

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini menggunakan jawapan yang telah disediakan.

tanggungjawab	Pantai Muara	kerugian	Islam	kesihatan
kerosakan	ringgit	malas	pegawai	kecil

1. Farzana, Asyikin, dan Nurin telah pergi berkelah di _____.
2. Menjaga kebersihan dan kemudahan awam merupakan _____ bersama seluruh masyarakat.
3. Pihak kerajaan telah membelanjakan wang berjuta-juta _____ untuk membina kemudahan awam demi keselesaan pengunjung.
4. Apabila kemudahan awam dirosakkan, pihak kerajaan akan menanggung _____ yang besar untuk mengindahkan semula kawasan pantai.
5. Amalan membuang sampah di merata-rata tempat boleh mendatangkan penyakit dan membahayakan _____ orang ramai.
6. Selain sikap tidak ambil peduli, sikap _____ juga menjadi punca sesetengah orang membuang sampah sewenang-wenangnya.
7. Sikap pembersih dan prihatin terhadap kemudahan awam perlu dilatih sejak _____ lagi.
8. Nurin mencadangkan agar pihak berkuasa meletakkan _____ bertugas di pantai untuk mengambil tindakan terhadap orang yang membuang sampah.
9. Mencintai dan memelihara alam sekitar merupakan satu tuntutan dalam agama _____.
10. Menurut Surah Asy Syu'araa' ayat 183, manusia dilarang daripada membuat _____ di muka bumi.